

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, September 19, 2017 7:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Apresiasi Seni Tokoh Seni Budaya Negeri Martabat Hasil Karya Kesusasteraan, Kebudayaan Dan Kesenian



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 SEPTEMBER 2017 / 28 ZULHIJAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

**APRESIASI SENI TOKOH SENI BUDAYA NEGERI MARTABAT HASIL KARYA
KESUSASTERAAN, KEBUDAYAAN DAN KESENIAN**



UUM ONLINE: Bagi memartabatkan hasil karya kesusasteraan, kebudayaan dan kesenian dalam kalangan pelajar, Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah bekerjasama dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah (JKKN) menganjurkan program Apresiasi Seni Tokoh Seni Budaya Negeri Kedah 2016 di Dewan Seminar A, SMMTC, pagi tadi.

Majlis perasmian disempurnakan Dekan SCIMPA, Dr Ahmad Hisham Zainal Abidin dan turut serta Timbalan Pengarah JKKN, Mazlan Ahmad yang mewakili Pengarah JKKN serta wakil dari Dewan

Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara dan Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI).

Dr Ahmad Hisham berkata, program tersebut bertujuan menghargai aktivis yang bertokohan dan konsisten dalam bidang seni budaya di negeri Kedah khususnya.

Menurutnya, selain memperkenalkan Tokoh Seni Budaya Negeri Kedah iaitu Mohamad Puzi A. Hadi, program Apresiasi Seni itu adalah bagi menggalakkan penghasilan karya atau produk seni berdaya saing dan bermutu tinggi.

"Program ini adalah bagi mengangkat usaha penggiat seni budaya dan sebagai satu pengiktirafan kepada atokoh terlibat untuk bergiat secara berterusan dan hasil karya mereka dapat dikenali ramai terutama pelajar, seterusnya menjadi pendorong kepada pelajar ini untuk berkecimpung dalam bidang seni.

"Saya harap pelajar dapat menjadikan tokoh ini sebagai idola atau rujukan kerana Mohamad Puzi ini dilihat sebagai seorang yang 'passion' dan semangat tersebut tidak pernah luntur sehingga kini," katanya.

Tambah beliau, program itu juga diharap dapat membuka minda pelajar untuk menghargai karya seni atau bidang sastera seperti puisi dan deklamasi drama.

Mohamad Puzi merupakan penyair dan deklamator Kedah yang dipilih sebagai penerima anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Kedah 2016 oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Malaysia.

Pada program itu turut diadakan persembahan lagu puisi dari Kumpulan Akustika JKKN dan ASASI, persembahan pelajar UUM dan Sembang Seni Bersama Mohamad Puzi serta pameran berkaitan Mohamad Puzi atau dikenali sebagai Puzi Hadi.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All

liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.